



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

KENYATAAN MEDIA

RM122.95 JUTA DIPERUNTUKKAN UNTUK PELAKSANAAN 5 PROJEK DI BAWAH MAJLIS TINDAKAN PEMBANGUNAN NEGERI (MTPNg) KELANTAN KE JAJAHAN MACHANG BAGI 2023

Pada hari ini, saya berkesempatan untuk melaksanakan lawatan pemantauan bagi **lima (5) projek** pembangunan di bawah peruntukan RMKe12 iaitu:

- Projek Pembesaran dan Menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa;
- Projek Pembinaan Taman Industri IBS (*Industrialised Building System*), Labok, Machang; dan
- tiga (3) projek di bawah Jalan Luar Bandar (JALB) iaitu:
 - Projek Membina Jalan dan Jambatan dari Kg Joh ke Kg Belimbing,
 - Projek Membina Jalan dan Jambatan dari Kg Joh ke Kg Kuala Sat dan Projek Membina Jalan; dan
 - Projek Membina Jalan Dari Kg Joh Ke Kg Mata Ayer, Machang, Kelantan

Kerajaan **komited dalam mengurangkan jurang infrastruktur perhubungan jalan luar bandar** dan wilayah dalam usaha untuk menoktahkan kemiskinan di Kelantan. Menerusi *Rolling Plan Ketiga* (RP3) RMKe12, sebanyak **42 projek** di bawah Program Jalan dan Jambatan Luar Bandar (JALB) termasuk juga projek menaiktaraf jambatan sempit telah diluluskan butiran pelaksanaan di Kelantan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melibatkan kos pembinaan sebanyak **RM1.44 bilion**. Bagi tahun pelaksanaan 2023, sejumlah **RM122.95 juta** diperuntukkan untuk pelaksanaan projek-projek tersebut;

Ketiga-tiga projek JALB ini akan melengkapkan satu jaringan jalan alternatif luar bandar melibatkan Jajahan Kota Bharu, Machang dan Tanah Merah bermula daripada Kg Mulong, Kota Bharu sehingga Kg Kuala Sat, di Machang serta Kg Belimbing di Tanah Merah dengan Kg Joh, Machang sebagai hub jaringan jalan. Di samping memendekkan tempoh dan jarak perjalanan antara jajahan sehingga 20 minit dan 15km masing-masing, pelaksanaan projek JALB ini juga akan memberi impak pembangunan melalui peningkatan aliran trafik di jajahan Machang seterusnya mencerminkan hasrat dan peranan Kerajaan dalam meningkatkan kesejahteraan ekonomi dan sosial serta menafikan naratif jajahan ini merupakan sebuah “bandar mati”.

Dalam rangka lawatan ini, saya telah diberi taklimat berkaitan pelaksanaan Projek Taman Industri IBS Labok, Machang yang akan berfungsi sebagai pusat rujukan dan *excellent centre* di Pantai Timur. Konsep pembangunan **one stop centre untuk komponen IBS** ini merupakan yang **pertama dilaksanakan di negara ini**. Saya meletakkan kepercayaan bahawa impak pelaksanaan projek ini akan terus memakmurkan jajahan ini melalui 3,500 peluang pekerjaan yang akan ditawarkan serta lebih banyak peluang ekonomi dan pekerjaan yang dapat dijana melalui projek Taman Industri IBS dan projek jalan dan jambatan luar bandar yang sedang dilaksanakan.

Saya juga berpeluang untuk meninjau pelaksanaan Projek Pembesaran dan Naiktaraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, LTSIP Pengkalan Chepa dan dimaklumkan bahawa kemajuan projek telah mencapai 30.58%, namun mengalami sedikit kelewatan berkaitan keperluan utiliti dan bahan binaan. Saya juga dimaklumkan bahawa pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan Kementerian Pengangkutan (MOT) sedang melaksanakan pelan pemulihan untuk projek ini.

Pembangunan Jajahan Machang

Sebagai makluman, Kementerian Ekonomi telah meluluskan sebanyak **19 projek / program** bagi pelaksanaan di bawah RP3 RMKe12 bagi Jajahan Machang, merangkumi **RM165.1 juta** peruntukan bagi pelaksanaan tahun 2023 dengan kos berjumlah **RM2.32 bilion**.

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) juga telah meluluskan **Projek Pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS)** berkapasiti 500 JLH di Mukim Labok Machang dengan **kos RM650 juta**. Projek ini berfungsi untuk takungan sumber air dan meningkatkan kualiti air di negeri Kelantan dan merupakan sebahagian inisiatif Kerajaan dalam penyelesaian jangka panjang masalah air di Kelantan.

Sesungguhnya, tekad dan komitmen Kerajaan kepada rakyat dan negeri Kelantan dizahirkan melalui pelbagai projek dan program yang sedang dan dalam perancangan untuk dilaksanakan dan saya mengulangi komitmen bahawa Kerajaan akan sentiasa cakna dan tidak akan meminggirkan pembangunan di Negeri Kelantan.

NIK NAZMI NIK AHMAD

MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

2 JULAI 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia